


BERITA»Wilayah
Rabu, 12 Ogos 2020 | 3:07pm



Replika haiwan liar antara tarikan di Taman Negeri Endau Rompin yang akan dibuka secara prapembukaan mulai Sabtu ini hingga 30 September 2020. - Foto NTSP/Rafi Mamat

Prapembukaan Taman Negeri Endau Rompin

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

ROMPIN: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) mengadakan prapembukaan Taman Negeri Endau Rompin (TNER) bermula Sabtu ini hingga 30 September depan bagi memberi peluang kepada pelancong melihat kepelbagaian produk ekopelancongan yang menarik.

Pengarahnya, Datuk Dr Mohd Hizamri Mohd Yasin, berkata, TNER terletak dalam kawasan Hutan Simpan Endau-Rompin ditutup selama tiga tahun iaitu 2017 hingga 2019 bagi tujuan menaik taraf oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) yang menelan belanja RM15 juta.

Beliau berkata, kerajaan negeri melantik Endau Rompin Park Resort Sdn Bhd sebagai operator yang bertanggungjawab menguruskan TNER, sekali gus meletakkan lokasi berkenaan dalam peta pelancongan negeri.

Katanya, di peringkat awal ini TNER akan menerima kehadiran pelancong dalam dan luar negara untuk melihat pelbagai khazanah alam semula jadi seperti pokok balak, herba, jeram, air terjun, bukit dan sungai seterusnya menikmati udara segar.

"Sekiranya bernasib baik pengunjung juga berpeluang melihat beberapa jenis burung hutan termasuk binatang liar seperti harimau kumbang dan gajah yang kebiasaan muncul pada waktu malam.

"Bagi mereka yang berminat mendapatkan pelbagai maklumat berkaitan TNER dan Hutan Simpan Endau-Rompin, dewan pameran yang dilengkapi kemudahan moden seperti tayangan video, replika binatang dan permainan video turut disediakan," katanya, di sini hari ini.

Beliau berkata, sempena prapembukaan TNER, penduduk setempat termasuk pelajar di daerah ini diberi keistimewaan masuk secara percuma.

Pelancong luar daerah ini dan asing akan dikenakan bayaran masuk mengikut kadar baharu yang ditetapkan kerajaan negeri iaitu masing-masing RM10 dan RM30 bagi kanak-kanak, RM30 dan RM50 dewasa serta RM15 dan RM30 warga emas berusia 60 tahun ke atas. Tiada bayaran masuk dikenakan kepada pengunjung Orang Kelainan Upaya (OKU).

Katanya, kumpulan pelajar melebihi 30 orang dalam satu kumpulan dikenakan bayaran RM100 dan RM300.

Sepanjang prapembukaan, aktiviti perkhemahan tidak dibenarkan.

Menurutnya, TNER yang terletak kira-kira 35 kilometer (km) daripada bandar Rompin turut menyediakan kemudahan seperti dewan, asrama, chalet, dewan makan dan tapak perkhemahan. Terdapat juga jambatan dan menara tinjau.

"Pihak JPNP juga akan melaksanakan peraturan tanpa penggunaan plastik bagi memastikan kebersihan dan kelestarian TNER terus terjaga," katanya.